

Negara terhutang budi: PM

Kejayaan dicapai hasil idea dinamik, kepemimpinan negarawan terdahulu

Oleh Nazura Ngah dan Shaarani
Ismail

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia menjadi sebuah negara maju, makmur dan dinamik hasil idea yang disertai dengan kepemimpinan yang baik serta usaha gigih negarawan terdahulu.

Perdana Menteri berkata, kejayaan dan kemajuan itu dicapai bermula daripada kepemimpinan Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra, kemudiannya Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin sebelum diwariskan kepada Allahyarham Tun Hussein Onn dan kesinambungannya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Sesungguhnya tokoh ini adalah wirawan negara dan kita semua amat terhutang budi kepada negarawan yang sudah banyak berjasa ini," katanya pada majlis pelancaran sambutan perayaan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat kebangsaan di Dataran Shah Bandar di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan perayaan Bulan, Kemerdekaan ke-49.

Turut nadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Abdullah berkata, banyak negara lain yang mencapai kemerdekaan seiring dengan Malaysia, malah lebih dulu, namun mereka masih belum mampu untuk mencipta kemajuan dan kejayaan sebagaimana yang rakyat negara, ini kecapai sekarang.

Beliau berkata, ada negara yang melaksanakan dasar yang hampir sama dengan Malaysia bagi mencapai kemajuan dan kejayaan tetapi beliau berbangga kerana daripada aspek ke-

"Kejayaan yang telah kita peroleh memang banyak namun masih terlalu jauh untuk kita boleh mendabik dada atau menggoyang kaki bersenang-lenang"

Abdullah Badawi
Perdana Menteri

berkesanan pelaksanaan dasar itu, Malaysia adalah antara negara yang paling berjaya ke arah itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri percaya idea bijak dan kepemimpinan yang baik semata-mata tidak akan membawa hasil sebagaimana yang dikecapi hari ini jika ia tidak mendapat sokongan dan kerjasama rakyat daripada segenap peringkat termasuk kakitangan awam dan swasta.

"Secara peribadi, saya percaya rakyat Malaysia sendiri telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan Malaysia mencapai potensi dan kemampuan yang sebenar sehingga berada pada tahap hari ini," katanya.

Beliau juga berkata, sambutan ulang tahun kemerdekaan pada tahun ini amat istimewa kerana ia adalah yang pertama setelah Misi Nasional diperkenalkannya pada akhir Mac lain.

"Kejayaan yang telah kita peroleh memang banyak namun masih terlalu jauh untuk kita boleh mendabik dada atau menggoyang kaki bersenang-lenang.

"Namun secara peribadi, saya mempunyai keyakinan yang amat tinggi terhadap rakyat Malaysia yang menjadi satu bangsa yang kuat dan kukuh keazaman dan semangatnya untuk berjuang dalam apa juga keadaan," katanya.



TAN DA PERASMIAN: Rais dan Idris melancarkan Perayaan Bulan Kemerdekaan ke 49 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan tahun 2006 di Dataran Shah Bandar, di Kuala Terengganu, malam tadi.